

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[KOTA SAMARAHAN]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 19**

**YB Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan program rawatan bergerak seperti Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) khususnya di Sarawak dan apakah kekangan yang perlu diperhalusi dalam pelaksanaannya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan klinik bergerak disediakan untuk mempertingkatkan capaian masyarakat pedalaman yang tinggal berjauhan dari klinik statik bagi mendapatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan primer. Sehingga kini terdapat 244 pasukan bergerak yang menyediakan perkhidmatan tersebut untuk 10 buah negeri di Malaysia termasuk negeri Sarawak. Bagi negeri Sarawak terdapat 103 pasukan bergerak yang menyediakan perkhidmatan kesihatan ke kawasan pedalaman melalui darat, air dan udara. Terdapat, tiga (3) buah Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) di Negeri Sarawak iaitu satu unit KB1M bot di Sungai Rajang, satu unit KB1M bot di Sungai Baram dan 1 unit KB1M bas di Sri Aman. KB1M ini menyediakan perkhidmatan kepada 28

stesen yang meliputi 138 buah pintu rumah panjang. Sehingga kini, seramai 71, 421 pelanggan yang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan KB1M.

Kekangan utama yang dihadapi dalam pelaksanaan KB1M adalah faktor geografi dan cuaca yang mengganggu kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan. Selain dari itu, kawasan liputan yang berisiko tinggi seperti arus sungai yang deras meletakkan anggota yang bertugas dalam keadaan merbahaya. Batasan komunikasi juga menjadi kesukaran dalam penyampaian perkhidmatan ini. Walaubagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan untuk populasi pedalaman mengikut kehendak keperluan.